



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 21 TAHUN 2005

KADAR CUTI REHAT TAHUNAN ANGGOTA PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai kadar baru Cuti Rehat tahunan kepada anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Rehat disediakan kepada anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia bagi tujuan kecekapan dan kepentingan anggota. Kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi seseorang anggota adalah tertakluk kepada perkhidmatan yang melayakkan.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Cuti Rehat tahunan bagi anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia yang dilantik mulai 1 September 2005 adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah:


Jadual 1: Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia

PANGKAT	KADAR	
	Kurang 10 tahun perkhidmatan	Genap 10 tahun perkhidmatan dan lebih
Penolong Penguasa Polis dan ke atas	30 hari	30 hari
Sub Inspektor-Ketua Inspektor	25 hari	30 hari
Konstabel-Sarjan Mejar	20 hari	25 hari

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2005.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Ogos 2005

Ketua Setiausaha
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri